

NO. SOALAN : 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN
ABDUL RAHIM [BALING]**

TARIKH : 9 JUN 2014

SOALAN :

**YB. Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah
inisiatif Kerajaan dalam memajukan sektor pelancongan di kawasan Baling
agar dapat meningkatkan ekonomi setempat dan peluang pekerjaan untuk
rakyat.**

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini kerajaan memang telah melaksanakan beberapa usaha ke arah memajukan sektor pelancongan di kawasan Baling. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah:

1. Pelaksanaan Program Homestay

Program Homestay dibangunkan di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar. Salah satu objektif utama pelaksanaan adalah melahirkan usahawan pelancongan di kalangan masyarakat desa dan meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat luar bandar, di mana kekayaan daripada industri pelancongan dapat dinikmati bersama oleh semua lapisan masyarakat.

Di Baling, Kedah terdapat sebuah homestay yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia iaitu **Homestay Desa KEDA Ulu Legong** yang diusahakan oleh seramai 35 orang pengusaha yang menawarkan 53 buah bilik.

Bagi tempoh Januari hingga Mac 2014, Homestay Desa KEDA Ulu Legong telah menjana pendapatan sebanyak **RM108,912.00** dengan kedatangan pelancong seramai **2,308** yang terdiri daripada 2,252 orang pelancong domestik dan 56 orang pelancong antarabangsa.

Bagi tahun 2013, jumlah pendapatan Homestay Desa KEDA Ulu Legong telah meningkat sebanyak **47.5%** iaitu **RM532,350.00** berbanding **RM360,869.00** pada tahun 2012. Manakala jumlah kedatangan pelancong ke Homestay pada tahun 2013 pula telah meningkat sebanyak **16.7%** iaitu seramai **11,820** orang berbanding tahun 2012 iaitu seramai **10,128** orang.

2. Projek-projek Pembangunan

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), terdapat 4 projek pembangunan yang telah dilaksanakan bagi Daerah Baling, Kedah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM925,000. Senarai projek adalah seperti berikut:

BIL	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	TAHUN
1	Menaiktaraf Projek Agro – Pelancongan Sg. Ketil, Kg Tawar, Daerah Baling Kedah	50,000.00	2011
2	Menaiktaraf Kemudahan Homestay Kg. Desa KEDA Ulu Legong, Kedah	375,000.00	2012
3	Menaiktaraf Empangan Air Bukit Ke Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong, Baling Kedah	250,000.00	2012
4	Menaik Taraf Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong, Baling Kedah	250,000.00	2014
JUMLAH PERUNTUKAN		RM 925,000.00	

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 9 JUN 2014

SOALAN : 90

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah kerajaan bercadang meluluskan projek pembinaan Utara Malaysia Airport Terminal (UMAT) yang terkandung dalam deraf pelan Rancangan Kerajaan Tempatan Daerah Kerian, Perak memandangkan jumlah ketibaan di Lapangan Terbang Pulau Pinang telah melebihi kapasiti lapangan terbang tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Beruas, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan projek pembinaan Utara Malaysia Airport Terminal (UMAT) sebagaimana yang terkandung dalam deraf pelan Rancangan Kerajaan Tempatan Daerah Kerian, Perak. Ini adalah kerana Lapangan Terbang berdekatan yang sedia ada seperti Ipoh, Pulau Pinang dan Alor Setar masih lagi mampu menampung kapasiti penumpang sedia ada.